

BAB IV

ANALISIS DATA

4.1 PENGENALAN

Bab ini akan mengemukakan hasil analisis yang telah dijalankan bagi menguji segala hipotesis yang telah dibina. Semua analisis statistik dalam kajian ini adalah dilakukan berdasarkan kepada SPSS. Statistik yang digunakan untuk menguji hipotesis yang dibina adalah ujian-t bagi hipotesis 1, 2, 3 dan 4, sementara korelasi bagi hipotesis 5 dan 6. Aras keyakinan bagi semua hipotesis adalah 0.05

4.2 LATAR BELAKANG DIRI & KELUARGA RESPONDEN

JADUAL 1

Taburan Jantina Responden

JANTINA	BILANGAN	PERATUS (%)
LELAKI	20	50
PEREMPUAN	20	50
JUMLAH	40	100

Berdasarkan kepada jadual 1, didapati jumlah responden adalah sama bilangannya iaitu seramai 20 orang bagi responden lelaki dan 20 orang bagi responden perempuan.

JADUAL 2

Taburan Umur Responden

UMUR	BILANGAN (n)	PERATUS (%)
15 TAHUN	14	35
16 TAHUN	26	65
JUMLAH	40	100

Jadual 2 menunjukkan bahawa daripada seramai 40 orang responden, adalah seramai 14 orang merupakan pelajar remaja yang berumur 15 tahun dan 26 orang merupakan pelajar remaja yang berumur 16 tahun.

JADUAL 3

Taburan Taraf Perkahwinan Ibu bapa

TARAF	BILANGAN (n)	PERATUS (%)
BERKAHWIN	33	82.5
BERCERAI	2	5.0
IBU/BAPA MENINGGAL DUNIA	5	12.5

Berdasarkan kepada jadual 3, jelas menunjukkan bahawa responden terdiri daripada berbagai-bagai jenis keadaan ibu bapa, iaitu 82.5% datangnya daripada ibu bapa yang masih bersama, 5% daripada ibu bapa yang sudah bercerai dan 12.5 % datangnya daripada ibu atau bapa yang sudah meninggal dunia.

4.3 KONSEP KENDIRI RESPONDEN

JADUAL 4

Taburan Konsep Kendiri Negatif

ASPEK	ITEM NEGATIF	PERATUS (%)
KELUARGA	20, 21, 33, 45, 46	96.5
PERIBADI	3, 23, 30, 43, 50	65
FIZIKAL	14, 26, 37, 38	87.5
SOSIAL	9, 22, 35, 47, 48	93.5
MORAL-ETIKA	12, 17, 28, 40, 41	97.5

Berdasarkan kepada jadual 4 di atas, didapati pelajar remaja lelaki dan pelajar remaja perempuan mempunyai konsep kendiri yang rendah dan negatif yang paling tinggi pada aspek moral-etika (97.5%), diikuti aspek keluarga (96.5%), aspek sosial (93.5%), aspek fizikal (87.5%) dan akhir sekali aspek peribadi (65%). Ujian-t menunjukkan bahawa pelajar lelaki dan perempuan tidak mempunyai perbezaan yang signifikan dalam konsep kendiri ($p=0.84$). Di mana paras signifikan adalah $p < 0.05$. Oleh yang demikian hipotesis 1 telah ditolak kerana tiada perbezaan yang signifikan antara konsep kendiri lelaki dan konsep kendiri perempuan.

JADUAL 5

Taburan Komunikasi Ibu bapa-anak

KOMUNIKASI	LELAKI		PEREMPUAN	
	ITEM	PERATUS (%)	ITEM	PERATUS (%)
IBU	11	65	11	65
	5	65	5	60
BAPA	11	65	11	90
	12	65	9	70

Jadual 5 ini membuktikan bahawa komunikasi anak dengan ibu bapa juga mempunyai masalah. Didapati pelajar lelaki mempunyai masalah komunikasi dengan ibu daripada segi item 11 (Ragu-ragu untuk menentang pendapat ibu) dan item 5 (Ibu berleter) iaitu sebanyak 65%, sementara komunikasi dengan bapa pula pada item 11 (Ragu-ragu untuk menentang pendapat bapa) dan item 12 (Tidak meminta sesuatu takut bapa akan menolak) sebanyak 65%. Pelajar perempuan pula peratus komunikasi mereka dengan ibu yang paling tinggi adalah pada item 11 (Ragu-ragu menentang pendapat ibu) sebanyak 65% dan item 5 (Ibu berleter) iaitu sebanyak 60%. Sementara dengan bapa pula adalah pada item 11 (Ragu-ragu menentang pendapat bapa) sebanyak 90% dan item 9 (Sukar meluahkan perasaan kepada bapa) sebanyak 70%. Ujian-t juga membuktikan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan ($p=0.657$) pada komunikasi antara anak dengan ibu-bapa. Hipotesis 2 juga ditolak kerana tiada perbezaan yang signifikan antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan dalam berkomunikasi bersama bapa. Aras signifikan ialah $p<0.05$

JADUAL 6
Taburan Masalah Remaja

MASALAH	LELAKI		PEREMPUAN	
	ITEM	PERATUS (%)	ITEM	PERATUS (%)
	29	65	29	55
	12	45	9	45

Daripada jadual 6 di atas, jelas membuktikan bahawa masalah pelajar lelaki yang paling tinggi dengan ibu bapa mereka ialah pada item 29 (Harapan ibu bapa yang terlampau tinggi) iaitu sebanyak 65% dan sebanyak 45% pula pada item 12 (Larangan keluar rumah pada waktu malam). Sementara pada pelajar perempuan pula ialah pada item 29 juga iaitu berkenaan harapan ibu bapa yang terlampau tinggi (55%) dan pada item 9 (Ibu bapa yang kuat bekerja) sebanyak 45%. Ujian-t menunjukkan bahawa juga tiada perbezaan yang signifikan antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan dalam masalah remaja dengan keluarga. Di mana $p=0.261$ sementara paras signifikan adalah $p<0.05$. Dengan kenyataan tersebut jelaslah bahawa hipotesis 4 juga ditolak kerana tidak terdapat perbezaan yang signifikan.

4.4 KORELASI UNTUK MELIHAT KAITAN

JADUAL 7

Kaitan Konsep Kendiri Dengan
Komunikasi Ibu bapa-anak

KONSEP KENDIRI	KOMUNIKASI	
	IBU (p)	BAPA (p)
	0.1928	0.3176

Berdasarkan kepada jadual 7 di atas, didapati bahawa tidak terdapat kaitan yang signifikan di antara konsep sendiri responden dengan komunikasi ibu bapa-anak, di mana komunikasi bapa-anak menunjukkan $p=0.3176$ dan komunikasi ibu-anak menunjukkan 0.1928 . Ini membuktikan bahawa hipotesis 5 juga ditolak.

JADUAL 8

Kaitan Konsep Kendiri Dengan Masalah Remaja

KONSEP KENDIRI	MASALAH (p)
	0.2376

Jadual berikut juga membuktikan bahawa tidak terdapat kaitan antara konsep sendiri responden dengan masalah yang mengganggu mereka dengan keluarga ($p=0.2376$) Hasil ini juga jelas menolak hipotesis 6. Paras signifikan di sini ialah -0.01 dan -0.001